

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh: ... 5 - 2 - 91

Subjek: Kepercayaan Agama Di Kalangan Pelajar-pelajar Cina Universiti Malaya.
Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui tentang kepercayaan agama di kalangan pelajar-pelajar Cina Universiti Malaya. Ia merupakan projek tesis yang dibuat oleh seorang pelajar universiti. Projek ini dilaksanakan oleh NG SWEE LIN OLEH Matrik No. 54709. Untuk maklumat tambahan, sila hubungi dia. No. Matrik : 54709.

Projek Penyelidikan
Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

Sesi 1990/91

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Mohd. Fauzi Hj. Yaacob yang telah sudi menyemak, memimpin serta memberikan nasihat-nasihat yang memungkinkan pengkaji menyiapkan dan melengkapkan kertas projek ini. Saya tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada para responden yang telah sudi bekerja sama dengan pengkaji. Selain daripada itu, saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada keluarga serta kawan-kawan saya yang telah memberikan sokongan moral mereka sepanjang masa ini.

Akhirnya saya ingin maklumkan bahawa tanpa bantuan daripada Tuhan Yang Maha Esa, mustahil saya dapat menghabiskan kertas kerja ini dengan hati yang tenang dan penuh dengan keyakinan. Di sini saya ingin memberikan penghargaan yang paling tinggi kepada Nya Yang Maha Esa.

No. Matrik :54709.

Sinopsis

Masyarakat Cina di Malaysia lazim dianggap sebagai satu kumpulan etnik yang kurang mengambil tahu tentang ajaran-ajaran agama. Kebanyakan keluarga Cina menganut apa yang dinamakan sebagai "Chinese Religion", iaitu kepercayaan tradisional mereka. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Cina Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM) dijadikan sampel untuk meninjau kepercayaan keagamaan di kalangan generasi muda masyarakat Cina di Malaysia.

Dua persoalan utama dibincangkan, iaitu sejauh manakah latar belakang agama keluaga mempengaruhi kepercayaan agama generasi muda dan sejauh manakah pengaruh kehidupan kampus ke atas kepercayaan keagamaan mereka. Kesimpulan yang diperolehi menunjukkan bahawa ^{memang} wujud satu pertalian di antara latar belakang agama keluarga dengan pilihan agama generasi muda. Didapati bahawa kes 'conversion' jarang berlaku dikalangan mereka yang berasal dari keluarga Buddhis atau Kristian. Pada keseluruhannya, kehidupan kampus membuka peluang kepada para pelajar Cina untuk mengetahui tentang sesuatu agama dengan lebih mendalam. Tetapi pengaruh ini adalah berbeza ke atas individu-individu yang berlainan, bergantung kepada faktor-faktor subjektif seperti sikap dan keinginan mereka. Dalam pada itu, organisasi-organisasi agama juga memainkan peranan yang amat penting di kalangan pelajar-pelajar Cina di UM.

Selain daripada dua persoalan di atas, kajian juga menunjukkan tentang terdapatnya suatu gejala kemerosotan "Chinese Religion" di kalangan generasi muda. Menurut tanggapan pengkaji, kemerosotan tersebut akan diambil alih oleh kebangkitan agama Buddha dan agama Kristian di kalangan generasi muda Cina.

Kesimpulan

Bab I : Pendahuluan

- 1.1. Tujuan Penilitian
- 1.2. Tempat Studi
- 1.3. Sampel Studi
- 1.4. Metodologi Penilitian
- 1.5. Struktur Isi Bab I

Bab II : Kebudayaan Agama Masyarakat

- 2.1. Kebudayaan
- 2.2. Komunitas-komunitas dalam Kepulauan Brunei
- 2.3. Masyarakat Kerajaan Brunei, Ching Jock Teong dan Tan Chee Hong ; Suku Tidung dan kaum Negerai ; Masyarakat aduan Nusantara, Cina Malaysia

Bab III : Generasi Muda ; Sejakti, Rasa dan Perilaku

- 3.1. Pendahuluan
- 3.2. Latar Belakang Sensus Komuniti
- 3.3. Latar Belakang agama Islam dan Masyarakat Dengan Pendidikan Agama Kristen

Kandungan

Bab 1 : Tujuan Kajian dan Objektif Kajian	muka surat
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Kandungan	iv
Senarai Jadual	vi
Bab 1 : Pendahuluan	
1.1. Tujuan Kajian	
1.2. Tempat Kajian	
1.3. Sampel Kajian	
1.4. Metodologi Kajian	
1.5. Kesulitan Dalam Masa Kajian	1
Bab 2 : Kepercayaan Agama Masyarakat Cina	
2.1. Pendahuluan	
2.2. Komponen-komponen Sistem Kepercayaan	
2.3. Ulasan Kertas-kertas Kerja	
Cheu Hock Tong dan Tan Chee Beng :	
Suatu Tinjauan Umum Mengenai	
Kepercayaan Agama Masyarakat Cina Malaysia.	6
Bab 3 : Generasi Muda : Sejauh Manakah Latar Belakang	
Keluarga Mempengaruhi Kepercayaan Agama Mereka ?	
3.1. Pendahuluan	
3.2. Latar Belakang Agama Responden	
3.3. Latar Belakang Agama Keluarga dan	
Hubungannya Dengan Pilihan Agama Responden	

3.4. Kesimpulan	23
Bab 4 : Pelajar-pelajar Cina UM : Sejauh Manakah Pengaruh Kehidupan Kampus Ke Atas Kepercayaan Keagaman Mereka Dari Segi Tanggapan, Kesedaran dan Pegangan Agama.	
4.1. Pendahuluan	
4.2. Penggolongan Pelajar-pelajar Cina di UM	
4.3. Sejauh Manakah Kampus Telah Membekalkan Satu Suasana Yang Baik Bagi Pelajar-pelajar Tersebut Mengenali Sesuatu Agama Dengan Lebih Lanjut ?	
4.4. Adakah Sebarang Perubahan Dalam Tanggapan dan Kesedaran Agama Sepanjang Masa Para Pelajar Berada di Kampus ?	
4.5. Organisasi-organisasi Agama Kristian di Sekitar Kampus : Suatu Tinjauan Khas	
4.6. Kesimpulan	23
Bab 5 : Penutup	33
Bibliografi	36-37

Adalah wakt yang penting untuk menyusun dan merancang data dalam

Jadual 1.1 iaitu Bilangan Responden Mengikut Tahun Lahir, berurut 21

Jadual 1.2 pada Bilangan Responden Mengikut Jantina, berurut 22

Jadual 2.1 iaitu Hubungan Agama Responden Dengan Ibu, 1985-1990.

Menurut kejiran Agama Keluarga, majoriti keluarga masih 13%

menyatakan apa yang dilabelkan sebagai "Chinese Religion".

(1980) 216,271), yang merupakan jumlah terbesar di antara agama-

agama. Setiap responden akan mendapat maklumat pendidikan sendiri

dan maklumat kepada pola perkongsian agama yang dikenakan di keluarga mereka masing-masing, khasnya di kalangan

penduduk India yang berpendidikan tinggi. Nama pengkaji telah

dinyatakan. Keupayaan dalam suatu populasi atau negara di

berdasarkan penilaian pada Universiti Malaya (UM). Pada

daerahnya terdiri dari sekerapetikan atau sebahagian besar tentang

kepercayaan. Sekitar 35% selangan sekawanan Cina di UM mem-

erindu orang-orang mereka berkelempaan tetapi belum lagi

sejak beberapa tahun lalu. Kehilangan kepercayaan agama mereka,

terutamanya diantara responden yang tidak memiliki kepercayaan

generasi, walaupun dia dalam konteks mereka. Maka, kepercayaan

kepercayaan mereka dan dia dalam konteks mereka. Maka, ke-

percayaan dimulihkan yang mengalih-alihkan dia dengan muka dia. Ia

akan memberi kepercayaan tradisional mereka.

BAB 1. Pandahuluuan

1.1. Tujuan Kajian

Adalah satu tanggapan umum bahawa masyarakat Cina Malaysia, sama ada dari kalangan yang tidak kenal huruf atau kurang terpelajar mahupun dari kalangan terpelajar, kurang mengambil tahu tentang ajaran-ajaran agama. (Cheu, 1983:109). Menurut kajian Tan Chee Beng, majoriti keluarga etnik ini mengamalkan apa yang dilabelkan sebagai "Chinese Religion". (1983: 218,221)

Sebagai seorang anak dari keluarga sedemikian, pengkaji sendiri amat tertarik kepada pola perkembangan sistem keagamaan di kalangan keluarga masyarakat Cina kini, khasnya di kalangan generasi muda yang berpendidikan tinggi. Maka pengkaji telah mengambil kesempatan ini untuk menjalankan satu kajian di kalangan pelajar-pelajar Cina di Universiti Malaya (UM). Pada dasarnya kajian ini cuba mendapatkan satu gambaran umum tentang kepercayaan keagamaan di kalangan siswa-siswi Cina di UM serta meninjau persoalan sejauh manakah berkaitannya latarbelakang agama keluarga dan kehidupan kampus ke atas pilihan agama mereka. Djsamping itu, pengkaji juga cuba melihat kepercayaan agama generasi muda ini dalam konteks masyarakat Cina secara keseluruhannya dan dari situ cuba memerhatikan perubahan-perubahan dinamik yang mungkin dibawa oleh generasi muda ini ke atas sistem kepercayaan tradisional tersebut.

1.2. Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di dalam kampus UM, dengan tumpuan utama di Dataran Sastera di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Selain daripada itu, temubual juga dijalankan di tempat-tempat seperti rumah responden, kantin Jasasiswa, bilik kuliah dan lain-lain.

1.3. Sampel Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan 50 orang pelajar Cina dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebagai sampel kajian. Mereka ini terdiri daripada pelajar Tahun I, II dan III yang berumur antara 20-23 tahun.

Jadual 1.1 : Bilangan Responden Mengikut Tahun Akademik.

Tahun	Bil. Responden	%
1 responden yang	10	20
2	17	34
3	23	46
Jumlah	50	100

Jadual 1.2 : Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bil. Responden	%
Lelaki	9	18
Perempuan	41	82
Jumlah	50	100

Sumber : daripada soal selidik kajian ini.

1.4. Metodologi Kajian

1.4.1. Penyelidikan Perpustakaan

Beberapa buah bahan bacaan telah digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan dan garis panduan. Kertas-kertas kerja Tan Chee Beng dan Cheu Hock Tong telah menjadi satu sumber yang amat penting dalam kajian ini. (lihat Bab 2)

1.4.2. Temubual

50 orang responden dipilih secara random untuk ditemubual dengan menggunakan 'questionnaire'. Ini dijalankan oleh pengkaji sendiri tanpa pertolongan orang lain supaya segala jawapan yang diberikan dapat diuji kebenarannya pada ketika itu juga dengan menanyakan soalan-soalan berkaitan. Ini terutamanya perlu dalam soalan yang menanyakan tentang latar belakang agama keluarga dan responden itu sendiri. Biasanya bagi seorang responden yang berasal dari latar belakang "Chinese Religion" dan dia sendiri tiada apa-apa pegangan agama, satu kecenderungan yang diperhatikan ialah mereka akan memperkenalkan diri mereka sebagai seorang penganut Buddha. Maka selalunya pengkaji terpaksa menguji kebenaran ini dengan menanyakan tentang amalan-amalan kepercayaan mereka.

Kaedah ini juga digunakan oleh pengkaji yang juga merupakan satu daripada anggota populasi ini. Ini merupakan satu faedah dalam kajian kerana pengkaji dapat memerhatikan aspek keagamaan di kalangan pelajar-pelajar Cina UM secara keseluruhan; dan ini seterusnya dapat mengurangkan bias yang mungkin berlaku dalam proses bertemu-bual dengan 50 orang responden tersebut.

1.5 Kesulitan Dalam Masa Kajian

Masalah utama yang sering dihadapi dalam menjalankan kajian ini ialah berkaitan dengan penggolongan agama responden yang majoritinya mempunyai definisi yang longgar terhadap agama mereka. Ramai responden terpaksa dimasukkan ke dalam golongan yang masih tidak mempunyai pegangan agama tetapi menunjukkan kecenderungan terhadap satu-satu agama. Dalam menjawab soal tentang agama mereka, sesetengah responden tidak tahu apakah jawapan yang seharusnya diberi. Dalam keadaan ini, mereka memberikan nama satu agama yang mereka cenderungi walaupun tidak dianuti sepenuhnya. Selalunya supaya tidak menyinggung perasaan responden, pengkaji terpaksa menulis saja apa yang diberitahu dan membuat penggolongan kemudiannya.

Pada dasarnya penggunaan istilah "Chinese Religion" telah menolong menyelesaikan masalah penggolongan kategori agama responden. Terdapat responden yang mengenal diri mereka sebagai

Taoist atau Kuan-Yin Worshiper atau Auchester-Worshiper. Maka semua ini telah digolongkan dalam satu kategori, iaitu "Chinese Religion". Ini seterusnya memudahkan kerja analisis data.

Menurut Pang (1980), lebih kurang 80% daripada umat Cina di Malaysia mengikuti kepercayaan tradisi Cina yang dikenali sebagai "Chinese Religion". Maka kepercayaan ini berdiri bersebelahan dengan tiga komponen, iaitu Taoism, Confucianism dan Buddhism. Baharu akan memperkenalkan seumpama ringkasan bagi kepercayaan tersebut. Sekiranya ia masih berkait-kaitan dengan Chee Beng, maka ia akan membentuk kepercayaan tradisional Cina di Malaysia juga dirakuhkan di sini sebagai pengaruh kepada hasil-hasil kajian pedakjih.

1.2 Komponen-Komponen Dalam Kepercayaan Tradisi

Taoisme

Taoisme merupakan sebuah agama yang berasal dari China. Ia dibuat oleh seorang ahli filosofi bernama Lao Tzu (Lau Tzu) pada abad ke-6 SM. Taoisme merupakan sebuah agama yang bersifat "natural" dan "mystical". Ia mengajar tentang keharmonian antara alam semesta dan manusia. Taoisme juga mengajar tentang tentang "Tao", yang merupakan sifat hidup dan bergerak. Taoisme juga mengajar tentang tentang "Yin" dan "Yang", yang merupakan dua sifat yang berlawanan tetapi saling melengkapi. Bilik Sumber: *Bilik Sumber*, *Jabatan Antropologi & Sosiologi*, *Universiti Malaya*. *http://www.ums.edu.my/~anthro/tao.htm* (2003/08/21).

BAB 2 Kepercayaan Agama Masyarakat Cina

2.1. Pendahuluan

Menurut Banci 1980, lebih kurang 90% daripada masyarakat Cina di Malaysia menganuti kepercayaan tradisi Cina yang dikenali sebagai "Chinese Religion". Sistem kepercayaan ini terdiri daripada tiga komponen, iaitu Taoism, Confucionism dan Buddhism. Bab ini akan memperkenalkan secara ringkas ketiga-tiga komponen tersebut. Satu ulasan kertas-kertas kerja Cheu Hock Tong dan Tan Chee Beng mengenai kepercayaan agama masyarakat Cina di Malaysia juga dirakamkan di sini sebagai sokongan kepada hasil-hasil kajian pengkaji.

2.2 Komponen-komponen Sistem Kepercayaan Tradisi

2.2.1. Taoism

Menurut Tan Chee Beng (1983:228), istilah 'Taoism' adalah mengelirukan, kerana ia tidak membezakan Taoism sebagai 'a school of philosophy' daripada Taoism sebagai 'a system of religion'. Dalam konteks masyarakat Cina di Malaysia, Taoism dirujuk kepada 'Taoism as a system of religion'. Menurut Tan, 'In Malaysia... there is no distinct Taoist sect although Taoist beliefs and practices exist in Chinese Religion... While there are individuals who may say that they are Taoists, what they actually mean is that they are followeres of Chinese Religion.' (1983:233)

2.2.2. Confucianism

Menurut Yang, Confucionism merupakan satu sistem etika yang banyak mempengaruhi pemikiran dan kelakuan orang Cina dari turun temurun. Menurut beliau, 'the source of Chinese values is mainly derived from Confucianism, not religion. This is because in traditional Chinese society, religion and ethnic belong to two separate aspect of the institutional structure of traditional Chinese society.'(1961:28)

Pada umumnya, Confucianism tidak dianggap sebagai satu agama. Ia menjadi salah satu komponen daripada "Chinese Religion" kerana pengaruhnya dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Cina.

2.2.3. Buddhism

Menurut Tan, 'In Malaysia today, "Chinese Buddhist" hardly exist as an independent system of religion and its distinctiveness is to be found only in certain Chinese Buddhist temples and associations.'. Walau bagaimanapun, menurut beliau, "Chinese Religion" dan cara kehidupan orang Cina pada keseluruhanya 'are heavily coloured by Buddhism'. Buddhism yang menjadi sebahagian daripada "Chinese Religion" di Malaysia adalah berasal dari 'the Pure land school of Malaysia Buddhism'. (1983:236) Di Malaysia kini terdapat banyak persatuan-persatuan Buddhis Cina. Pusatnya 'Malaixiya Fojiao Zonghui' telah ditubuhkan pada April 1959 di Kek Lok Si, Pulau Pinang. Persatuan-persatuan ini berusaha untuk mengembangkan 'Chinese

Mahayana Buddhism', khasnya dalam aspek teologi. (Tan : 238) usaha ini boleh dipandang sebagai suatu percubaan untuk menghidupkan semula Buddhism sebagai satu agama yang terpisah daripada "Chinese Religion". Walau bagaimanapun, menurut Tan, 'Chinese Buddhism is so tied to Chinese Religion that it is still rather difficult for it to get an independent body of followers.' (1983:239)

2.3 Ulasan kertas-kertas kerja Cheu Hock Tong dan Tan Chee Beng : suatu tinjauan umum mengenai kepercayaan agama masyarakat Cina di Malaysia.

Kertas kerja Tan Chee Beng yang bertajuk "Chinese Religion in Malaysia - A general view" telah diterbitkan dalam Asian Folklore Studies pada tahun 1983. Dalam pendahuluannya, Tan menyatakan tujuan penulisan kertas kerja ini:

'This paper will aim at a description of the nature of this religion. What is the Chinese Religion in Malaysia ? In the course of my discussion I will point out various misconception about the religion. My attempt here is to explain the need to view Chinese Religion in Malaysia as a whole system and to put to rest once and for all misleading classification of Chinese

-
1. Bagi penerangan-penerangan yang lebih detail mengenai asal usul ketiga-tiga komponen ini sila rujuk 'Chinese Religion in Malaysia' oleh Tan Chee Beng.

worshiper as Buddhists, Taoists or Confucianists.'
(Tan, 1983:217)

Seperti yang dinyatakan di atas, Tan telah cuba mengkaji sistem kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia sebagai "a loosely unified system which is a product of the intermixing of various religions throughout the centuries of Chinese civilization." (Tan, 1983:218). Beliau menyedari bahawa 'the traditional religion of Chinese Malaysia is above all syncretic' dan cuba menerangkan bagaimana ini berlaku dengan menyusur balik ke sejarah perkembangan agama tradisional di Negeri China -- '...the movement in China was from a very early period toward syncretism, or a "popular religion" and this tendency is particularly notable in Malaysia, for it was brought in by lower class Chinese immigrants.' (p.221)

Apabila membincang tentang 'misleading classification of Chinese worshiper as Buddhists, Taoists or Confucianists' Tan memberi komen ke atas klasifikasi agama populasi oleh '1970 Malaysia census' = Muslim(0.2%), Hindu(0.1%), Chinese(3.5%), Buddhist(78.9%), No Religion(4.9%) dan lain-lain(12.4%). Menurut beliau, 'those who follow the traditional Chinese Religion obviously had to choose either 'Buddhist' or 'other', which accounts for the rather high percentage of the latter (p.220). 'The Category "Buddhist" includes not only those who follow traditional Chinese Religion, but also Pheravadius and followers

of other Buddhist sects.' (p.221). Menurut cadangan Tan, klasifikasi 'census' ini dapat diperbaiki lagi dengan memperkenalkan kategori "Chinese Religion" 'and thus reserving "Buddhism" for the Theravadians and other Buddhists'. Menurut beliau, pada keseluruhannya 80-90% orang Cina Malaysia adalah penganut-penganut Chinese Religion memandangkan penganut-penganut Theravada Buddhism dan lain-lain 'Buddhist sect' hanya segelintir saja di Malaysia (p.221).

Cadangan Tan mengenai klasifikasi tersebut pada pandangan pengkaji amat wajar dan ia sudah tentunya telah menolong menyelesaikan masalah klasifikasi yang pengkaji hadapi dalam kajian ini.

Cheu Hock Tong pula telah membuat satu kajian yang berjodol *Tanggapan Keagamaan Serta Implikasinya Dalam Hidup Sosial : Suatu Kajian Komuniti Cina di Ampang, Selangor'. Laporan kajian ini telah diterbitkan pada tahun 1983 dalam Jurnal Antropologi dan Sosialogis 10-11, 91-118.

Dalam halaman pertama, Cheu menyatakan tujuan kajiannya:

'Makalah ini cuba melihat sikap dan cara bagaimana orang Cina membentuk tanggapan keagamaan mereka serta implikasinya terhadap perhubungan sosial di kawasan Kampung Baru Ampang, Selangor.'

Cheu mula dengan tinjauan latar belakang infrastruktur dan struktur sosial komuniti ini yang seterusnya dikaitkan dengan latar belakang sosial budaya respondennya. Yang paling menarik perhatian saya dalam kajian Cheu ini ialah tentang aspek sinkretisme yang ia perhatikan di kalangan respondennya. Menurutnya, 'satu gejala yang paling nyata dalam kajian ialah terdapatnya tanggapan kepercayaan yang amat mengelirukan di kalangan responden. Misalnya, sebilangan besar daripada mereka menyatakan bahawa mereka beragama Shenisme, atau Taoism, atau Buddhism, sebenarnya percaya kepada unsur-unsur yang terjalin daripada kesemua aliran kepercayaan tersebut. Misalnya, mereka yang menganggap diri sebagai penganut agama Buddha juga percaya kepada Anisme, Taoism dan Konfusianisme.' (Cheu, 1983:102-103)

Gejala tersebut memang merupakan satu ciri kepercayaan tradisional masyarakat Cina Malaysia yang paling menonjol. Sifat sinkretik ini telah mendapat perhatian kedua-dua sarjana Tan dan Cheu dalam perbincangan kertas kerja mereka mengenai Chinese Religion.

Berdasarkan kajiannya terhadap tanggapan agama komuniti Cina di Ampang, Cheu telah membuat suatu kesimpulan bahawa "orang Cina kurang mengambil tahu tentang ajaran-ajaran agama, bukan saja di kalangan mereka yang tidak kenal huruf atau kurang terpelajar tetapi juga di kalangan mereka yang terpelajar (sama ada dalam jurusan Cina mahupun dalam jurusan Inggeris); orang Cina (lelaki dan perempuan) amat pasif, 'mekanikal' atau 'alang

kepalang' mengenai apa yang dipercayai berbanding dengan apa yang diamalkan oleh mereka; bukan saja di kalangan pemuda pemudi tetapi juga di kalangan orang tua-tua...'(Ibid, p.109-110)

3.1 Pendekatan

Sememangnya hasil kajian Cheu ini amat berfaedah bagi kajian saya ke atas pelajar-pelajar Cina di UM. Adalah menjadi hasrat pengkaji untuk meninjau sejauh manakah majoriti pelajar Cina yang datang dari latar belakang keluarga sedemikian ini mengalami sesuatu perubahan dalam keagamaan mereka sepanjang masa mereka di kampus.

3.2 Latar Belakang Adon, Responden

Berdasarkan kepada Jadual 1, terdapat dua responden dalam responden dikaji ini iaitu seorang bapa berasal dari keluarga yang tidak mempunyai pendidikan sekolah rendah dan seorang bapa berasal dari keluarga yang mendapat pendidikan sekolah rendah sehingga sekolah menengah pertama. Dua responden ini merupakan ahli keluarga yang masih hidup.

Jadual 1. Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina Keluarga

Keluarga	Jantina	Pendidikan	Pekerjaan
1	Lebih dari 10%	Lebih dari 10%	Lebih dari 10%
2	Lebih dari 10%	Lebih dari 10%	Lebih dari 10%

Total 2 2 2 2

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

BAB 3 Generasi Muda : Sejauh manakah latar belakang agama keluarga mempengaruhi kepercayaan agama mereka ?

3.1 Pendahulian

Biasanya latar belakang keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembentukan peribadi seseorang individu. Bab ini cuba meninjau sejauh manakah latar belakang agama keluarga menjadi faktor penentu pilihan kepercayaan agama para responden.

3.2 Latar Belakang Agama Responden

Merujuk kepada jadual 2.1, 50% (25 orang) tergolong dalam kumpulan "Chinese Religion" atau tiada agama, 40% (20 orang) adalah Kristian dan 10% (5 orang) Buddhist. Berikut adalah satuuraian mengenai ketiga-tiga golongan pelajar-pelajar Cina UM menurut agama mereka :

Jadual 2.1 : Hubungan Agama Responden Dengan Agama Keluarga

Ag. Responden	Chinese Religion	Kristian	Buddhist	Total
Ag. Keluarga				
Chinese Religion	25	14	3	42
Buddhist	0	0	2	2
Kristian	0	6	0	6
Total	25	20	5	50

3.2.1. Chinese Religion atau Tiada Agama

Kumpulan ini merupakan kategori yang paling besar sekali. Pengkaji terpaksa menggabungkan "Chinese Religion" dengan "atheist" kerana didapati amat sukar untuk membuat satu garis pemisah yang jelas antara kedua ini di kalangan pelajar Cina. Nampaknya kepercayaan "Chinese Religion" ini telah semakin merosot kepentingannya dalam kehidupan pemuda-pemudi ini. Ramai mereka yang menggolongkan diri dalam "Chinese Religion" sebenarnya adalah "atheist". Mereka ini tidak menganggap "Chinese Religion" sebagai satu pegangan agama individu tetapi sebagai satu tradisi keluarga semata-mata.

Daripada 42 orang responden yang digolongkan dalam kategori ini, seorang sahaja yang menyatakan keyakinan sepenuhnya terhadap "gods" yang disembahnya dalam "Chinese Religion". 9 orang telah menyatakan diri mereka sebagai "free thinker". 7 daripada 9 orang ini menyatakan bahawa mereka tidak berminat dalam hal agama. 10 orang responden yang lain menunjukkan kecenderungan mereka dalam agama Buddha, 5 orang yang lain pula terlibat dalam satu siri pengkajian Bible yang dijalankan oleh satu kumpulan Kritian di Kampus.

Secara keseluruhannya, pelajar Cina dari kategori ini lebih mudah beridentiti dengan agama Buddha. Ini boleh dilihat dari segi penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti Persatuan Buddhis (PBUM), dimana majoriti daripada mereka mendaftarkan diri

sebagai ahli kepada persatuan ini semasa Tahun I lagi. Faktor utama keadaan ini berlaku ialah, berbanding dengan agama Kritian, agama Buddha biasanya dianggap kurang radikal dan lebih bersesuaian dengan budaya orang Cina. Sehingga kini, masih terdapat anggapan bahawa agama Kritian adalah sebahagian daripada kebudayaan Barat.

Walaupun bagaimanapun, dari segi kualiti, mereka yang menunjukkan kecenderungan terhadap agama Kritian (5 orang) menunjukkan sikap yang lebih serius terhadap agama daripada golongan yang tertarik kepada aktiviti-aktiviti Persatuan Buddhist. Daripada 10 orang yang menunjukkan kecenderungan terhadap agama Buddha, 7 daripada mereka menyatakan keinginan untuk melibatkan diri dalam berbagai aktiviti semata-mata. Hanya 3 orang responden sahaja yang benar-benar ingin mendalami pengetahuan agama Buddha mereka melalui pembacaan buku dan sebagainya.

Pada dasarnya, golongan ini masih tertakluk kepada perubahan. Terdapat kemungkinan tinggi bagi individu-individu dari golongan ini memilih satu pegangan agama mereka sendiri sebagai panduan hidup dalam masa akan datang.

3.2.2. Kristian

Daripada jadual 2.1, ternyata Kristian yang "converted" dari "Chinese Religion" atau tiada agama adalah lebih

ramai (14 orang) daripada Kristian yang berasal dari keluarga Kristian (6 orang). Statistik ini memang membayangkan ^{Keadilan} yang sebenarnya wujud di kalangan pelajar-pelajar Cina Kristian di UM. Mengikut pengetahuan pengkaji, terdapat sebuah organisasi Kristian luar kampus yang kebanyakannya ahlinya terdiri daripada pelajar UM. 99% daripada ahli ini berasal dari keluarga bukan Kristian. Di sini pengkaji dapat meneliti satu perubahan dinamik yang sedang berlaku dalam keluarga masyarakat "Chinese Religion". Generasi muda yang telah memegang agama Kristian ini selalunya akan membawa satu pengaruh baru ke dalam keluarga. Mereka akan mulai menyebarkan ajaran agama ini sekurang-kurangnya di kalangan adik-beradik mereka. Ini kadang-kalanya menimbulkan konflik dalam keluarga tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes di mana semua ahli keluarga satu demi satunya menjadi Kristian.

Kekuatan pegangan agama di kalangan Kristian ini adalah berbeza-beza. Ia bergantung kepada ^{beberapa} faktor. Ini termasuklah organisasi atau institusi agama yang mereka sertai. Selain daripada itu, ia juga bergantung kepada sejauh manakah "commitment" mereka terhadap agama ini. Terdapat Kristian yang bertolak-ansur dengan tekanan hidup dan tidak sanggup mematuhi ajaran agama mereka sepenuhnya. Setengah daripada mereka terus meninggalkan agama ini dan menjadi seorang "atheist". Kes-kes seperti ini memang berlaku di kalangan pelajar Kristian di UM. Walau bagaimanapun, terdapat juga segolongan Kristian yang benar-benar berdedikasi kepada Tuhan mereka. Golongan ini mencari ^{sejauh} peluang untuk menyebarkan agama ini. Boleh dikatakan bahawa

mereka ini telah menjadi satu pengaruh baru di kalangan pelajar Cina UM.

3.2.3. Buddhis

Ramai orang Cina yang memperkenalkan diri mereka sebagai Buddhis sebenarnya menganuti "Chinese Religion". Gelaran "Buddhis" ini telah digunakan di kalangan masyarakat Cina secara sewenang-wenangnya. Dalam kajian ini, didapati hanya 5 orang responden saja yang dapat digolongkan sebagai Buddhis. Mereka ini merupakan golongan kecil yang benar-benar serius terhadap agama mereka. Biasanya mereka menyertai satu kumpulan Buddhis, sama ada persatuan atau "temple". Didapati golongan ini lebih sukar dipengaruhi oleh agama-agama lain berbanding dengan peratusan yang tinggi di kalangan mereka dari latar belakang "Chinese Religion". (Kategori 1.2.1)

3.3. Latar Belakang Agama Keluarga dan Hubungannya Dengan Pilihan Agama Responden

84% (42 orang) daripada responden berasal dari keluarga "Chinese Religion". Peratusan ini membayangkan kepercayaan majoriti masyarakat Cina kini. Walau bagaimanapun, didapati hanya 60% daripada 42 orang responden ini tetap mengikuti kepercayaan keluarga (atau sekurang-kurangnya tinggal sebagai "atheist"), yang lainnya telah membuat pilihan agama mereka sendiri : sama ada menjadi Kristian atau Buddhis. Menurut perhatian pengkaji, "conversion" ini sering berlaku di kalangan mereka yang berasal dari keluarga "Chinese Religion". Berbanding dengan golongan ini,

mereka yang berasal dari keluarga Buddhis atau Kristian jarang mengalami "conversion" dalam pegangan agama mereka. Dalam kajian ini, kesemua responden dari keluarga Kristian (6 orang) dan keluarga Buddhis (2 orang) mewarisi agama keluarga masing-masing. Maka di sini timbulnya satu persoalan bahawa sejauh manakah kepercayaan keluarga mempengaruhi pegangan agama responden? Mengapa kes "conversion" hanya berlaku ke atas mereka yang datang dari keluarga "Chinese Religion" dan tidak pula kepada keluarga Buddhis dan Kristian?

Daripada 42 orang responden yang berasal dari keluarga "Chinese Religion", 14 orang (>< 33%) telah "convert" kepada agama Kristian dan 3 orang (7%) kepada Buddhis. Menurut perhatian pengkaji, angka "conversion" ini sedang meningkat terutamanya daripada "Chinese Religion" kepada agama Kristian.

Sekiranya diperhatikan, ternyata kebanyakannya kes "conversion" berlaku pada peringkat kedewasaan para pelajar. Daripada temu ramah pengkaji dengan 14 orang Kristian yang "convert" daripada "Chinese Religion", 8 daripadanya menjadi Kristian hanya selepas masuk ke universiti. Faktor "conversion" ini adalah berbeza-beza dan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjutnya kemudian. Di sini pengkaji hanya ingin menunjukkan kenyataan bahawa ramai mengalami "conversion" pada peringkat dimana mereka dapat membuat keputusan diri sendiri dan kurang dibendung oleh kawalan ibu bapa.

Hakikat bahawa majoriti pelajar dari keluarga Kristian atau Buddhis mengekalkan pegangan kepercayaan mereka dan jarang mengalami "conversion" menunjukkan pengaruh yang lebih mendalam agama keluarga ini ke atas individu-individu. Menurut pandangan pengkaji, ini adalah kerana ibu bapa yang beragama Kristian atau Buddhis merupakan satu golongan yang benar-benar menekankan kepentingan ajaran agama dalam asuhan anak mereka sejak kecil. Didapati generasi muda yang diasuh di bawah suasana sedemikian biasanya mewarisi agama ibu bapa apabila mereka dewasa. Golongan ini biasanya tidak mudah dipengaruhi oleh kepercayaan agama yang lain.

Berbeda daripada keluarga Kristian atau Buddhis, majoriti keluarga Chinese Religion kurang menekankan nilai-nilai keagamaan dalam proses pengasuhan anak mereka. Chinese Religion ini lebih merupakan satu amalan tradisi keluarga yang dijalankan demi keselamatan dan kebaikan keluarga. Maka diperhatikan bahawa majoriti generasi muda dari latar belakang demikian menunjukkan pengetahuan agama yang amat sedikit. Majoriti daripada mereka tidak menganggap agama sebagai satu pegangan hidup yang penting dan golongan inilah yang selalunya memperkenalkan diri mereka sebagai "Buddhis" apabila identiti keagamaan mereka diperlukan seperti mengisi borang-borang formal. Biasanya golongan inilah yang menjadi sasaran dakwah agama Kristian oleh berbagai kumpulan Kristian di kampus. Sejauh mana aktiviti dakwah ini berjaya "convert" seseorang kepada Kristian adalah tergantung kepada kes masing-masing. (lihat Bab 4)

Satu halangan untuk "conversion" ini berlaku ialah penentangan daripada pihak keluarga. Konflik sering timbul antara seorang anak dengan pihak keluarganya apabila ia membuat pilihan agama yang berbeza dengan agama keluarga. Ini terutamanya berlaku di kalangan Kristian yang "convert" dari Chinese Religion. Secara keseluruhannya, masyarakat Cina yang mengamalkan Chinese Religion masih mempunyai "bias" terhadap agama Kristian. Pada tanggapan mereka, agama Kristian adalah agama "Orang Putih". Biasanya ibu bapa bimbang sekiranya anak mereka menjadi Kristian, ia akan berhenti dari menyembah nenek moyang mereka dan tidak lagi mengamalkan tradisi keagamaan bersama-sama keluarga. Maka disebabkan kekurangan kesefahaman terhadap agama, seseorang anak kadang kala dipaksa membuat pilihan antara keluarga dan pegangan agamanya. Ini telah menghalang ramai pemuda-pemudi yang mulai tertarik kepada ajaran agama Kristian daripada melanjutkan pengetahuan mereka mengenai agama ini.

Walau bagaimanapun, tahap konflik ini adalah berbeza-beza mengikut kes yang berlainan. Biasanya mereka yang menjangka bantahan pihak ibu bapa mereka akan cuba membuat pilihan tanpa pengetahuan keluarga. Kebanyakan daripada mereka ini hanya memberitahu ibu bapa mereka mengenai pilihan agama mereka setelah rasa diri mereka dapat menghadapi konflik yang mungkin timbul itu.

Faktor konflik ini juga menerangkan satu daripada sebab mengapa kebanyakan daripada Kristian yang berasal dari keluarga Chinese Religion ini hanya mengalami "conversion" setelah masuk ke universiti, lebih-lebih lagi bagi mereka yang meninggalkan kampung halaman mereka. Di kampus, pelajar-pelajar ini menikmati kebebasan yang lebih kerana tidak terkawal oleh ibu bapa mereka.

Berbanding dengan agama Kristian, pelajar yang memilih agama Buddha sebagai agama mereka sendiri biasanya kurang mengalami konflik dengan piñak ibu bapa mereka yang mengamalkan Chinese Religion. Ini adalah kerana pada keseluruhannya masyarakat Cina lebih mudah beridentiti dengan agama Buddha yang dianggap mereka mempunyai perhubungan rapat dengan kebanyakan orang Cina.

Selain daripada agama Kristian dan agama Buddha, kemungkinan "conversion" berlaku dari Chinese Religion ke agama Islam adalah amat kurang walaupun ia wujud. Ini adalah disebabkan tanggapan umum masyarakat Cina bahawa agama Islam merupakan agama kaum Melayu. Maka memeluk agama Islam bermakna memutuskan pertalian dengan keluarga. Setakat ini pengkaji masih belum menemui kes pelajar Cina di kampus yang mengalami "conversion" demikian.

3.4 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, maka boleh disimpulkan bahawa memang wujud pengaruh keluarga ke atas pilihan agama para pemuda pemudi kini:

1.4.1. bagi keluarga Chinese Religion

- kebanyakannya anak mereka mewarisi agama tradisional keluarga dengan kesedaran agama yang amat rendah,
- kes "conversion" berlaku hanya apabila anak-anak menjadi dewasa.

1.4.2. bagi keluarga Kristian dan keluarga Buddhists

- kebanyakannya anak mereka mewarisi agama keluarga dengan kesedaran agama yang tinggi.
- kes "conversion" jarang berlaku kepada mereka yang datang dari keluarga demikian.

Tegasnya, kes "conversion" yan semakin meningkat di kalangan generasi muda Chinese Religion menunjukkan satu perubahan dinamik yang sedang mengambil tempat berikutan dengan kemerosotan amalan kepercayaan tradisional di kalangan generasi muda ini. Adalah tidak hairan sekiranya pada tahun-tahun yang akan datang semakin banyak keluarga Kristian dan keluarga Buddhists di kalangan masyarakat Cina Malaysias.

BAB 4 Pelajar-pelajar Cina UM : Sejauh Manakah Pengaruh
Kehidupan Kampus Ke Atas Kepercayaan Keagamaan Mereka Dari
Segi Tanggapan, Kesedaran dan Pegangan Agama.

4.1. Pendahuluan

Dalam bab sebelum ini pengkaji telah membincangkan persoalan sejauh manakah pengaruh kepercayaan keluarga ke atas kepercayaan agama para responden. Dalam bab ini pula perbincangan ditumpukan kepada persoalan sejauh manakah kehidupan kampus mem pengaruhi aspek kepercayaan agama para pelajar Cina di UM.

4.2. Penggolongan Pelajar-pelajar Cina di UM

Sepanjang masa lebih daripada dua tahun berada di kampus, pengkaji telah dapat memerhatikan ciri-ciri tertentu pada pelajar-pelajar Cina di UM berdasarkan kepada penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kampus, aktiviti sama ada akademik atau ko-kurikulum. Penggolongan adalah seperti berikut :

4.2.1. "exam-orientated" atau "academic-orientated" dan tidak aktif lansung dalam ko-kurikulum di kampus.

Bagi golongan ini, tujuan utama mereka masuk ke universiti ialah untuk memperolehi jaminan masa depan yang cemerlang melalui pencapaian akademik yang baik. Atas dorongan ini, pelajar-pelajar tersebut memperuntukkan kebanyakan masa mereka dalam kursus yang mereka pilih. Selain daripada itu,

mereka menunjukkan minat yang amat kurang terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka.

4.2.2. "exam-orientated" dan aktif dalam ko-kurikulum.

Golongan ini dipercayai merupakan satu golongan majoriti di kalangan pelajar-pelajar Cina UM. Seperti golongan pertama, golongan ini juga menganggap pencapaian akademik yang baik amat penting bagi masa depan mereka. Walau bagaimanapun, tidak seperti golongan pertama, mereka juga merasakan bahawa penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum tertentu akan melengkapkan mereka dari segi pengalaman sosial dan daya kepimpinan untuk masa yang akan datang.

4.2.3. "idealistic"

Golongan ini terdiri daripada segolongan siswa-siswi yang bercita-cita untuk menyumbangkan tenaga mereka ke atas pembangunan sosial dan negera mereka. Mereka percaya bahawa sebagai mahasiswa mereka sepatutnya menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat umum yang biasanya mempunyai jangkaan yang amat tinggi terhadap mereka.

Sesetengah daripada mereka memang memperolehi pencapaian yang cemerlang bukan saja dari segi akademik tetapi juga dalam kepimpinan persatuan-persatuan tertentu. Sesetengah daripada mereka pula terlibat dalam penulisan karya kreatif yang

diterbitkan dalam majalah serta surat khabar di luar kampus.

Berbanding dengan golongan pertama dan kedua, golongan ini lebih serius dalam mencari satu kehidupan yang lebih bermakna melalui agama, falsafah, kesusastraan dan sebagainya.

4.2.4. "happy-go-lucky"

Golongan ini hanya serius dalam pembelajaran akademik semasa musim peperiksaan. Mereka biasanya kurang aktif dalam persatuan-persatuan kampus. Falsafah hidup mereka ialah "Enjoy while you are still young". Segala aktiviti yang dilakukan oleh mereka di kampus biasanya didorong oleh falsafah tersebut.

4.2.5. "religious"

Golongan ini majoritinya terdiri daripada Kristian yang amat berdedikasi kepada agama mereka. Mereka lebih menumpukan perhatian kepada kehidupan rohaniah serta penyebaran agama Kristian di dalam pergaulan sosial mereka. Golongan ini menjadi salah satu pengaruh kepada pelajar-pelajar lain di kampus yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai agama Kristian. Selain daripada itu, terdapat juga segolongan kecil yang kuat beragama Buddha cuba memperdalam pengetahuan Dharma mereka melalui peribacaan buku dan aktiviti Persatuan Buddhis Universiti Malaya.

Perlu diakui bahawa penggolongan sedemikian adalah amat umum dan terdapatnya penindihan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, ini akan memberikan pembaca satu gambaran secara keseluruhannya terhadap pelajar-pelajar tersebut.

4.3. Sejauh Manakah Kampus Telah Membekalkan Satu Suasana Yang Bagi Pelajar-pelajar Tersebut Mengenali Sesuatu Agama Dengan Lebih Lanjut ?

Apabila ditanyakan soalan demikian kepada para responden, kebanyakannya daripada mereka yang tergolong dalam 'Chinese Religion' atau tiada agama memberikan dua sumber utama dalam kampus yang dapat menolong mereka mendalami kefahaman tentang sesuatu agama, iaitu : (4.3.1.) Persatuan Buddhis Universiti Malaya (PBUM), (4.3.2.) Kawan (pergaularan sosial).

4.3.1. PBUM

Menurut pengenalan dalam majalah PBUM tahun 1989, PBUM ditubuhkan pada 22hb. Ogos, 1961. Pada dasarnya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah selari dengan objektif yang terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu:

i. Keagamaan

ii. Sosial

iii. Aktiviti-aktiviti Kebajikan

Pada keseluruhannya, persatuan ini telah mendapat

sambutan baik dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh mereka. Bagi sesi 1988/89 jumlah ahlinya lebih daripada 500 orang dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sains, Fakulti Perubatan dan Fakulti Undang-undang.

Daripada maklum balas ahli-ahlinya, diketahui bahawa PBUM telah berjaya memupuk satu perasaan persaudaraan antara ahli-ahlinya melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama-sama, dan ini seterusnya menjadi satu tarikan kuat kepada pelajar-pelajar baru setiap tahun untuk menyertai PBUM.

4.3.2. Kawan

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa faktor "peer group" merupakan satu yang amat penting dalam menentukan penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di kampus. Terdapat ramai responden yang ditemu ramah mengatakan bahawa mereka menyertai PBUM semasa Tahun I kerana mengikuti kawan-kawan mereka.

Pada keseluruhannya, pelajar tersebut akan lebih cenderung agamā Buddha dan menyertai aktiviti-aktiviti PBUM sekiranya "peer group"nya mempunyai kecenderungan yang sama. Ini kadang-kala menghalang seseorang pelajar (golongan "Chinese Religion" atau tiada agama) untuk memahami kepercayaan agama yang lain, misalnya Islam dan Hindu.

Bagi mereka yang memeluk agama Kristian semasa belajar di UM, faktor pergaulan juga merupakan satu faktor yang amat penting. Mereka ini sama ada mendalami kefahaman mereka mengenai agama Kristian melalui kawan mereka atau dari perkenalan mereka dengan kumpulan-kumpulan pendakwah agama Kristian di kampus.

4.4. Adakah Sebarang Perubahan Dalam Tanggapan dan Kesedaran

Agama Sepanjang Masa Para Pelaja Berada di Kampus.

Berbanding dengan soalan pertama, pertanyaan ini didapati tidak mudah untuk dijawab oleh kebanyakan responden, khasnya mereka yang tergolong dalam kategori "Chinese Religion" atau tiada agama. Walau bagaimanapun, ramai berpendapat bahawa sama ada ini membawa kepada perubahan seseorang individu adalah tergantung kepada sikap dan keinginan individu tersebut.

Pada pandangan pengkaji, ini memang ada kebenarannya. Didapati, walaupun ramai yang menyertai aktiviti-aktiviti PBUM, tidak ramai aripada mereka benar-benar menunjukkan "commitment" yang serius terhadap agama Buddha. Mereka mungkin memperolehi sedikit sebanyak kefahaman mengenai agama ini melalui penyertaan aktiviti PBUM. Tetapi sejauh manakah ini membawa perubahan kepada kehidupan mereka adalah sukar dipastikan.

Berbanding dengan golongan di atas, golongan yang menjadi "convert" Kristian semasa di UM biasanya mengalami suatu perubahan yang lebih radikal. Menurut kebanyakan mereka (14 orang

responden "convert" Kristian), satu perubahan dari segi perspektif kehidupan, sistem nilai dan cara hidup telah mengambil tempat dari masa ke semasa setelah mereka menjadi Kristian. Perubahan tersebut amat berkaitan dengan tahap "commitment" mereka terhadap Tuhan mereka. Kebanyakan daripada mereka mengatakan "personal relationship" dengan Tuhan mereka melalui "prayer" dan pembacaan Bible setiap hari merupakan faktor perubahan yang utama dalam kehidupan mereka.

Perlu diingatkan bahawa dalam kampus UM seseorang pelajar mempunyai pelbagai pilihan dalam aktiviti-aktiviti kurukulum yang ingin mereka menyertai. Dengan ini, tidak semua individu sudi membuang masa mereka dalam isu-isu agama yang dianggap mereka terlalu serius dan "boring". Ini terpulang kepada di dalam katogeri manakah mereka berada. Bagi mereka yang lebih serius dalam mencari makna hidup, biasanya, walaupun mereka tidak mempunyai satu pegangan agama yang tertentu, mereka tetap menunjukkan kesudian dan minat untuk berbincang mengenai perkara agama. Sesetengah pelajar dari latar belakang "Chinese Religion" bahkan mengatakan bahawa mereka bersedia untuk mendalami berbagai ajaran agama termasuk agama Buddha dan agama Kristian sebelum membuat pilihan pegangan agama mereka. Sesetengah daripada mereka pula menunjukkan sikap yang "sceptical" terhadap berbagai ajaran agama yang saling bercanggahan. Mereka ini biasanya berpaling kepada falsafah sains atau bidang kesenian.

Maka tegasnya, adalah sukar untuk mengukur sejauh manakah kehidupan kampus dapat mendatangkan perubahan ke atas para pelajar dari segi keagamaan mereka kerana ia juga bergantung kepada faktor-faktor yang subjektif. Misalnya, sikap para pelajar tersebut dan keperluan -keperluan batin yang timbul semasa jauh dari kampung halaman. Yang lebih menarik perhatian pengkaji di sini ialah tentang perubahan radikal yang berlaku ke atas para "convert" Kristian di UM dan implikasinya ke atas perubahan dinamik sistem kepercayaan agama di kalangan masyarakat Cina Malaysia, khasnya pada generasi-generasi yang akan datang.

4.5 Organisasi-organisasi Agama Kristian di Sekitar Kampus :

Suatu Tinjauan Khas.

Salah satu faktor penyebaran agama Kristian di kalangan pelajar Cina UM ialah terdapatnya aktiviti pendakwahan dilakukan oleh organisasi-organisasi Kristian antarabangsa seperti Campus Christian Crusade (CCC), Navigators dan individu-individu dari berbagai gereja. Ramai pelajar Cina dari latar belakang "Chinese Religion" telah menganut agama Kristian melalui organisasi-organisasasi tersebut. Oleh kerana organisasi-organisasasi tersebut tidak berdaftar di dalam kampus, segala aktiviti diadakan di luar kampus. CCC dan Navigators merupakan dua organisasi yang amat tegas dalam aspek "disciple-making". Di bawah organisasi ini, "convert" tersebut melalui satu proses latihan dimana dari masa ke semasa ia akan dilatih menjadi seorang "disciple" yang dapat menyebarkan agamanya kepada orang lain. Di sini timbulnya satu

konsep yang digelar "spiritual-multiplication". Ini bermakna dari seorang "convert", seseorang Kristian itu akan dilatih menjadi "disciple" dan "labourer" yang dapat membawa lebih ramai "convert" dan "disciple" yang seterusnya mengganda-gandakan usaha penyebaran tersebut.

Selain daripada dua organisasi ini, terdapat juga Persatuan Kristian Varsiti yang lebih menumpukan perhatian mereka kepada "Christian fellowship". Tidak banyak usaha dijalankan oleh persatuan ini untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan pelajar-pelajar Cina bukan Kristian melainkan "Malam Krimas" yang diadakan setiap tahun.

Secara keseluruhannya, organisasi-organisasi ini memainkan peranan yang amat penting dalam penyebaran agama Kristian di kampus. Pada tanggapan pengkaji, ini juga membawa satu implikasi yang nyata ke atas masyarakat Cina secara keseluruhannya. Navigators misalnya, telah mengadakan satu rancangan yang digelar "Vision 2000". Menurut rancangan ini, pada tahun 2000, organisasi ini akan mempunyai "disciple-making ministries" di seluruh Malaysia, termasuk semua universiti dan beberapa sekolah-sekolah tinggi swasta. Selain daripada "campus ministry", terdapat pula "community ministry". Bagi mereka yang bekerja, mereka boleh memindah dari "campus ministry" kepada "community ministry" yang bergiatan di kalangan masyarakat umum.

4.6. Kesimpulan

Pada keseluruhannya, kehidupan kampus memang membuka peluang kepada para pelajar Cina untuk mengetahui sesuatu agama dengan lanjut. Tetapi pengaruh ini adalah berbeza kerana atas individu-individu yang berlainan tergantung kepada faktor-faktor subjektif seperti sikap dan keinginan mereka. Dalam pada itu, organisasi-organisasi agama juga telah memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan agama Kristian dan agama Buddha di kalangan pelajar-pelajar Cina UM.

“...The Chinese have been here for centuries, and they have had a great influence on our country. They have built many temples and shrines, and their culture has influenced our own. We should respect their beliefs and traditions, and learn from them. They have a lot to offer us, and we should be grateful for their contribution to our country.”
Source: “Chinese Influence on Malaysia”, www.chinamatters.org/chinese-influence-on-malaysia/

Belia, Paka, Persekolahan, Kebudayaan di Masyarakat Beragama

Cina di Universiti Malaya. Muhsin Yusof, *Universiti Malaya*, 2000.

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya
Bilik Sumber

BAB 5 Penutup

5.1. Pendahuluan

Sebagai satu kesimpulan, bab ini akan meninjau sejauh manakah objektif-objektif kajian yang disebutkan dalam Bab 1 tercapai.

5.2. Hipotesis : Masyarakat Cina Kurang Mengambil Tahu Tentang Hal Agama dan Mempunyai Pengetahuan Agama Yang Amat Rendah

Hipotesis ini telah dibuktikan kebenarannya. Dalam kajian ini, latar belakang keagamaan keluarga para responden telah diselidik dan didapati kebanyakannya masih menganuti "Chinese Religion" dengan pengetahuan agama yang amat sedikit. Tinjauan umum ini disokongi pula oleh kajian Cheu Hock Tong dan Tan Chee Beng. (lihat Bab 2)

5.3. Pola Perkembangan Sistem Keagamaan di Kalangan Masyarakat Cina Khususnya di Kalangan Generasi Muda Yang Berpendidikan Tinggi.

Suatu gambaran umum mengenai kepercayaan keagamaan di kalangan siswa-siswi Cina di UM telah diperolehi melalui kajian ini. Selain daripada temu ramah yang diadakan dengan 50 orang responden, gambaran umum ini juga dibentuk hasil dari pemerhatian pengkaji pada pelajar-pelajar Cina UM secara keseluruhannya. (lihat Bab 3, latar belakang agama responden)

Hasil kajian ini adalah selaras dengan kenyataan yang diberikan oleh Tan Chee Beng (Tan, 1983:239) : "Chinese Religion has so far met the needs of early immigrants and the present generation of Chinese Malaysians, but with higher education and more modern influence there is a trend for young Chinese Malaysians to seek a religion which has a more coherent system of theology."

5.4. Sejauh Manakah Berkaitannya Latar Belakang Agama Keluarga dan Kehidupan Kampus ke Atas Kepercayaan Agama Para Pelajar Tersebut ?

Bab 3 dan Bab 4 telah memumpu kepada perbincangan yang lebih khusus untuk menjawab persoalan ini. Kajian ini membuktikan bahawa terdapatnya suatu perkaitan yang agak jelas antara latar belakang agama keluarga dan pilihan agama responden. (lihat Bab3, Kesimpulan)

Bagi persoalan sejauh mana kehidupan kampus mempengaruhi aspek agama para pelajar, kajian ini menunjukkan satu faktor bahawa kampus hanya merupakan satu faktor objektif. Sikap serta keinginan individu merupakan faktor subjektif yang menentukan takat pengaruh tersebut. Dalam pada itu, pengkaji juga mendapati suatu perubahan yang lebih radikal sering berlaku ke atas seseorang "convert" Kristian daripada "convert" agama lain. Pada pandangan pengkaji, perubahan radikal yang berlaku ke atas individu tersebut merupakan satu permulaan perubahan

dinamik sistem kepercayaan keagamaan masyarakat Cina secara keseluruhannya.

5.5. Melihat Kepercayaan Agama Generasi Muda Ini Dalam Konteks Masyarakat Cina Secara Keseluruhannya --- Apakah Implikasinya Perubahan Kepercayaan Agama Generasi Muda Ke Atas Kepercayaan Agama Masyarakat Cina Malaysia ?

Perlu diakui bahawa pengkaji tidak menganalisis secara mendalam tentang persoalan ini dalam latihan ilmiah ini. Pengkaji bertujuan menarik perhatian mana-mana pihak yang berminat untuk melanjutkan kajian dari aspek ini, terutamanya tentang pengaruh "convert" generasi muda ke atas keluarga-keluarga masyarakat Cina Malaysia.

Pada tanggapan pengkaji, seluruh sistem kepercayaan keagamaan masyarakat Cina Malaysia khasnya "Chinese Religion" sedang mengalami kemerosotan, terutamanya di kalangan generasi muda. Kemerosotan "Chinese Religion" ini akan diambil alih oleh kebangkitan agama Buddha dan agama Kristian di kalangan generasi muda. Sejauh manakah tanggapan ini benar, pengkaji mengalu-alukan kajian-kajian baru dilakukan ke atasnya.

Bibliografi

- Cheu, Hock Tong (1983) 'Tanggapan Keagamaan Serta Implikasinya Dalam Hidup Sosial : Suatu Kajian Komuniti Cina di Ampang, Selangor.', Jurnal Antropologi dan Sosialogi p.10-11, 91-118.
- (1989) 'The Development and Distribution of Dejiao Association : The Double-Standard View of Chinese Religion', Ilmu Masyarakat 15, p.70-76.
- (1989) 'A Rejoinder To Tan Chee Beng's Rhetoris On Chinese Religion.', Ilmu Masyarakat 16, p.84-87.
- Tan, Chee Beng (1983) 'Chinese Religion in Malaysia : A General View', Asian Folklore Studies, 42(2), p.217-252.
- (1989) 'On Confucianism and Dejiao : A Reply To Dr. Chew Hock Tong' Ilmu Masyarakat 15, p.77-82.
- (1989) 'The Rhetoric of Narcission and Chinese Religion : Being A Reply To Dr. Chew Hock Tong', Ilmu Masyarakat 16, p.88-96.

Yang, C.K. (1967) Religion in Chinese Society : A Study of Contemporary Functions of Religion and Some of Their Historical Factors, University of California Press, California.

University of Malaya

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya